

24 DEC 2001

Mahathir-Galeri

MAHATHIR SEBAK IMBAS SUMBANGAN TUN ISMAIL

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebak apabila beliau mengimbas kembali sumbangan pengerusi pertama Permodalan Nasional Berhad (PNB) Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali yang banyak menyumbang kepada penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan melalui badan itu.

Dr Mahathir berkata Ismail yang juga bekas gabenor Bank Negara Malaysia itu menggunakan pendekatan melalui pemilikan saham oleh bumiputera dalam syarikat-syarikat terkenal yang secara tidak langsung membuatkan orang-orang Melayu memiliki kekayaan seperti mempunyai bangunan dan kedai.

"Pendekatan ini tidak mudah dilaksanakan sebab bumiputera kurang modal. Oleh itu kita pilih melalui pemberian saham amanah," katanya ketika berucap merasmikan Galeri PNB yang dinamakan sebagai Galeri Tun Tun Ismail Mohamed Ali sempena memperingati pengerusi pertama PNB sejak institusi itu ditubuhkan pada 17 Mac 1978 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata pemilikan amanah saham oleh bumiputera melalui cara itu telah berjaya menarik pelabur bumiputera yang sehingga kini mencatat tujuh orang dengan pelaburan bernilai RM36 bilion dalam pelbagai amanah saham PNB.

"Allahyarham telah ditugaskan untuk mencipta PNB kerana pengalaman luasnya dalam bidang kewangan," katanya dengan suara yang tersekat-sekat dan sebak.

Dr Mahathir berkata nilai saham yang dimiliki bumiputera melalui PNB itu merupakan satu angka yang tidak disimpan oleh sesiapa.

Menurut beliau pendekatan PNB itu juga telah menarik ramai pelawat dan pemimpin negara membangun datang ke Malaysia untuk mempelajari konsep pemilikan saham itu yang merupakan salah satu cara bagi mengimbangi taraf ekonomi antara pelbagai kaum di negara ini.

"Allahyarham diberi penghormatan sebagai pakar kewangan oleh orang luar dan sering diminta nasihat mengenai pengurusan kewangan negara. Kalau tak cekap, boleh muflis dan bangkap. Negara kayapun boleh runtuh ekonomi mereka jika tidak dapat diurus dengan baik," katanya.

Perdana Menteri berharap kerjaya allahyarham itu dijadikan inspirasi oleh semua kaum di negara ini supaya mereka menguasai ilmu dan menentukan negara terus bebas dan tidak dikongkong oleh kuasa besar.

"Saya harap generasi muda akan hargai usaha ini (allahyarham) dan menjadikan Tun Ismail sebagai contoh bagaimana Bumiputera dapat menguasai ilmu pengurusan kewangan yang dianggap oleh sesetengah pihak tidak dimiliki oleh bumiputera," katanya.

Sebelum itu, Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata galeri itu merupakan galeri hidup dengan bahan pameran di situ ditukar setiap enam bulan.

Katanya galeri yang terletak di Plaza PNB, Jalan Tun Razak itu sebahagian besarnya mempamerkan foto-foto dan koleksi peribadi Tun Ismail, yang kebanyakannya belum pernah disiarkan oleh media atau dilihat oleh masyarakat umum.

Galeri itu turut mempamerkan foto-foto berkaitan latar belakang PNB dan penganjuran agenda tahunan negara, iaitu Minggu Saham Amanah Malaysia.

Ia turut mempamerkan lukisan daripada pelukis berbakat negara bagi mengetengahkan karya dan bakat mereka.

"Kita harap melalui usaha PNB ini, sedikit sebanyak akan memberi peluang kepada para pelukis untuk mempamerkan hasil seni mereka dengan

tujuan untuk memartabatkan hasil seni lukis negara.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

NZ AFY LAT